

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pembiayaan Kontrak

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Pembiayaan Kontrak ("CF") sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pinjaman dan/atau perniagaan anda.)

1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Kontrak ("CF") terdiri daripada dua jenis:

i. Pembiayaan Kontrak (Luar Negara)/ "CFO"

Kemudahan CFO ditawarkan kepada syarikat yang dimiliki atau dikuasai oleh warganegara Malaysia untuk melaksanakan kontrak/projek dari Penganugerah Kontrak asing seperti pembinaan loji, infrastruktur, perkilangan dan projek pembangunan lain.

ii. Pembiayaan Kontrak (Domestik)/ "CFD"

Kemudahan CFD ditawarkan kepada syarikat yang dimiliki atau dikuasai oleh warganegara Malaysia untuk melaksanakan kontrak/projek tempatan dari Penganugerah Kontrak Malaysia seperti pembinaan loji, infrastruktur, perkilangan dan projek pembangunan lain

Kriteria kelayakan untuk CFD tertakluk kepada syarat berikut:

a) Penganugerah Kontrak hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 50% daripada produk / perkhidmatan untuk dieksport: dan

b) Elemen import bagi kontraktor hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah pembiayaan.

Pembiayaan adalah layak untuk industri strategik dan tidak strategik.

2. Apakah yang akan saya dapat dari produk ini ?

Jumlah Pinjaman	Matawang ()* : _____ * Matawang yang diterima adalah USD, EURO, RM dan matawang lain yang bersesuaian.
Margin Pinjaman	_____ %* *Mak. 85% dari Kos Projek atau Nilai Kontrak
Tempoh	_____ Tahun* *Mak. 10 termasuk tempoh bertangguh tidak melebihi 2 tahun
Kadar Faedah Efektif	_____ % setiap tahun (COF + Spread)
<i>Contoh:</i> <ul style="list-style-type: none">• Jumlah Dipinjam : RM xxx• Kadar Faedah Bank : XX%• Kadar Faedah Efektif : COF + Sebaran	
<ul style="list-style-type: none">• Margin pinjaman: XX%• Tempoh: XX tahun	
<i>Nota: 1. Contoh diatas hanya bertujuan untuk penjelasan ilustrasi sahaja dan tidak menunjukkan kewajipan pinjaman sebenar.</i> <i>2. Kadar faedah tertakluk kepada kos dana tambah sebaran. Sebaran adalah berdasarkan penarafan risiko syarikat dan pertimbangan – pertimbangan bukan kuantitatif yang lain.</i>	

3. Apakah tanggungjawab-tanggungjawab saya?

- Anda dikehendaki untuk membayar kadar faedah pihak Bank berdasarkan jumlah penggunaan yang dikira berdasarkan Kadar Faedah Efektif semasa pihak Bank.
- Anda dikehendaki untuk membuat bayaran penuh untuk jumlah tunggakan (prinsipal tambah faedah) apabila tamat tempoh kemudahan dan berdasarkan jadual pembayaran yang telah disediakan atau dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

- Anda hendaklah menyediakan cagaran tambahan sekiranya diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	Fi Pemprosesan	Fi pemprosesan 1.0%* dari jumlah pembiayaan. (*) tertakluk kepada terma dan syarat. Tidak terpakai kepada PKS.
2.	Duti Setem	Seperti Akta Setem 1949 di Malaysia dan/atau keperluan penyeteman di negara lain (jika berkaitan)
3.	Caj SWIFT	RM70
4.	Fi Pengesahan Audit	RM100
5.	Fi Surat/Penyata Penebusan	RM50 (Pelanggan PKS)
6.	Fi Surat Sokongan	RM100 (Pelanggan PKS)
7.	Fi Guaman	Mengikut caj sebenar yang dikenakan oleh peguam
8.	Pos / Caj Penghantaran <u>Pihak Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Mel Biasa • Mel Berdaftar • Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan <u>Pihak Asing</u> <ul style="list-style-type: none"> • Mel Biasa • Mel Berdaftar • Perkhidmatan kiriman cepat 	Min.RM3 Min.RM6 Min.RM7 Min.RM4 Min.RM8 Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi
9.	Perbezaan Terma dan Syarat Kemudahan	Min.RM300 (Tidak terpakai kepada pelanggan PKS)

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawaian fi dan caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Konvensional. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

5. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Kami akan mengenakan penalti pembayaran lewat pada kadar satu peratus (1%) setahun keatas kadar faedah semasa.

6. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pinjaman sebelum tempoh matang?

Tiada.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan insruans?

Anda mungkin perlu memperuntukkan polisi insurans termasuk semua hak projek dan manfaat kepada kami sebagai salah satu cagaran yang diterima oleh kami.

8. Apakah risiko – risiko utama yang perlu saya tanggung?

- Kadar Faedah Efektif kami mungkin tertakluk kepada turun naik dalam tempoh pinjaman.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda untuk mendapatkan kembali keberhutangan yang antara lain termasuk, mendapatkan penghakiman dan penguatkuasaan penghakiman seperti writ penyitaan dan penjualan, yang digarnis, pembubaran dan tindakan kebangkrapan.
- Kegagalan menjelaskan segala hutang terhadap pihak Bank dibawah kemudahan pinjaman akan memberi kesan terhadap rekod penarafan kredit anda.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat
Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Faks: +603-26012469
Laman Sesawang: www.exim.com.my

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai Pembiayaan Kontrak boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: www.exim.com.my.

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Faks: +603-26012469

12. Apakah jenis produk pinjaman rentas sempadan lain yang ditawarkan?

- Pembiayaan Pelaburan Luar Negara
- Pembiayaan Projek Luar Negara
- Pembiayaan Pembeli
- Pembiayaan Eksport Perkhidmatan
- Pembiayaan Import

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT DENGAN TETAP

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.